

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,

DATUK HUSSEIN ONN, DI PEMBUKAAN

HENTIAN PUDURAYA, PADA HARI SABTU,

2 HB OKTOBER, 1976 JAM 4.30 PETANG

---

Tuan Pengerusi Majlis,

YB Datuk Ali Hj. Ahmad, Menteri Pertanian  
merangkap Pemangku Menteri Perusahaan  
Awam,

YB Tan Sri ~~Datuk~~ Yaacob Hitam,  
Pengerusi UDA,

Def-def kehormat,

Tuan dan Puan-puan sekalian,

---

Saya bersyukur <sup>kerana</sup> ~~di atas~~ penghormatan  
yang telah diberikan kepada saya, untuk  
merasmikan pembukaan Hentian Puduraya, pada  
petang ini. Seperti yang kita sedia  
maklum, projek ini telah dikendalikan oleh  
UDA, sejak beberapa lama, dan kini peringkat  
pertamanya telah siap. Saya ingin mengambil  
kesempatan ini bagi menucapkan setinggi-

tinggi tahniah kepada UDA dan Syarikat ~~pemborong~~ <sup>A</sup>TABFIYIN atas kejayaannya ini.

2. Perbadanan Pembangunan Bandar atau UDA, telah ditubuhkan lima tahun dahulu, atas inspirasi dan pemikiran Allahyarham Tun Abdul Razak. Di antara tugasnya ialah, menerusi aktivitinya, dapat menyusun semula masyarakat dan bergiat dalam lapangan perniagaan. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa, pada keseluruhannya, UDA telah dapat menjalankan tugas yang telah amanahkan ke atasnya, dengan memuaskan.

Projek yang sama-sama kita saksikan ini *ialah* ~~satu-satunya~~ <sup>satu daripada</sup> usaha<sup>2</sup> UDA.

3. Kejayaan usaha Kerajaan dan ajensinya, bergantung besar atas minat dan kerjasama rakyat. UDA telah dapat menyediakan tempat-tempat berniaga, kecil dan besar. Ini telah dilakukan dengan menggunakan beberapa cara, baik di Ibukota mahupun di beberapa bandar lain, untuk membolehkan peniaga-peniaga bumiputra menjalankan usaha perniagaan masing-masing.

4. Seperti yang disebutkan oleh Pengerusi UDA tadi, adalah menjadi harapan kita agar peniaga-peniaga bumiputra

menjalankan perniagaan mereka, setanding atau lebih baik, dari peniaga yang lain. Dalam perniagaan seperti ini, peniaga bumiputra hendaklah menjalankan peranan di dalam bidang masing-masing dengan penuh kesedaran, kejujuran dan keinsafan, sejajar dengan aspirasi negara.

5. Projek Hentian Puduraya ini, saya yakin, akan memberi faedah kepada orang ramai yang mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Demikian juga, ia dapat membantu melicinkan kemudahan pengangkutan di Bandaraya, kerana kebanyakan bas berhenti di tempat ini dan menyenangkan orang ramai bertukar bas. Demikian juga,

ia mempunyai kemudahan untuk membeli<sup>membelah</sup> barang.

6. Selain dari itu, kompleks ini mempunyai kedai dan gerai-gerai yang <sup>membeli kepada Bumiputia</sup> menambah peluang<sup>berniaga</sup> untuk bumiputra ~~di bawah Dasar Ekonomi Baru.~~ Saya berharap kemudahan yang disediakan akan digunakan sepenuhnya, menepati tujuan dan maksud ianya diadakan.

7. Kerajaan Barisan Nasional ~~yang memerintah~~ telah diamanahkan oleh rakyat untuk membimbing mereka ke arah hidup yang aman, damai dan bahagia. Amanah yang diberi ini dipegang teguh dan dilaksanakan

oleh Kerajaan. Berbagai-bagai rancangan pembangunan seperti ini, telah dan akan dijalankan, bagi meninggikan taraf hidup rakyat jelata, yang dibuat di bawah Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan sekarang Rancangan Malaysia Ketiga.

8. Bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini, berbagai-bagai badan berkanun telah ditubuhkan dengan tanggungjawab tertentu. ~~dan wajar bagi menyusun semula masyarakat di Malaysia, dari segi kegiatan dan usaha-usaha, yang dijalankan di bidang ekonomi dan sebagainya.~~

Tuan-tuan sekalian,

9. Memandangkan hal inilah, Kerajaan berusaha untuk menyusun <sup>semula</sup> ~~kembali~~ masyarakat supaya sejajar dengan cogankata 'Masyarakat Adil'. Apa yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan, melalui agensi-agensi seperti UDA, MARA dan sebagainya, bolehlah disifatkan sebagai jaminan agar pertumbuhan ekonomi negara berjalan dengan lancar.
10. Dalam usaha Kerajaan menyusun semula masyarakat, UDA telah memainkan peranan <sup>yang</sup> penting. Di antara peranan UDA <sup>ialah</sup> ~~adalah~~ ~~seperti~~ mengadakan program-program tindakan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun

semula masyarakat Malaysia melalui pembangunan bandar. UDA juga memainkan peranan sebagai ~~satu~~ <sup>satu</sup> agensi pembangunan semula bandar untuk membantu pihak berkuasa tempatan memodenkan bandar.

11. Kegiatan UDA di bandar-bandar besar telah meninggalkan kesan yang nyata. ~~Telah tiba masanya UDA menyebarkan projeknya~~ <sup>tentulah sudah memulakan supaya mengadakan projek<sup>2</sup>nya</sup> di bandar-bandar kecil supaya ~~peniaga-peniaga bumiputra di situ boleh meningkat menjadi peniaga lebih besar di bandaraya kemudiannya~~ <sup>bumiputra di tempat<sup>2</sup> itu berpeluang berniaga</sup>. Matlamat UDA ialah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, dan orang-orang ramai akan menilai pencapaian dasar ini dari segi pertambahan peniaga bumiputra, bukan sahaja di bandaraya,

tetapi di merata-rata bandar kecil. <sup>Oleh</sup> ~~Kerana~~  
~~saya percaya UDA tentulah sudah mula~~  
itu, ~~UDA mulai sekarang~~ menumpukan projek-projek-  
nya di bandar-bandar kecil, ~~sula~~.

Tuan-tuan sekalian,

12. Dalam konteks pembangunan hari ini, Kerajaan berusaha hendak membantu bumiputra mempunyai sekurang-kurangnya 30% dari kegiatan perdagangan dan perusahaan di semua peringkat dalam tempuh ~~20 tahun ini~~ <sup>yang ditentukan.</sup> Kerajaan ~~berharap~~ <sup>yakin,</sup> UDA sebagai salah satu ~~ejen~~ <sup>agensi</sup> pembangunan, dapat memainkan peranan ~~penting~~ <sup>yang affective</sup> bagi menjayakan hasrat Kerajaan ~~dalam penyertaan bumiputra~~ <sup>itu.</sup> ~~supaya matlamat 30% itu dapat dilaksanakan.~~

13. Untuk mencapai matlamat ini, UDA sedang giat <sup>memulera</sup> ~~membuat~~ bangunan-bangunan, untuk membolehkan bumiputra menyewa dengan harga yang berpatutan dan menasabah, <sup>kerana</sup> ~~untuk~~ perniagaan dan perdagangan, di samping tidak ketinggalan juga kaum lain dapat memberi persaingan dan galakan. Di masa-masa lampau, peniaga-peniaga bumiputra tidak dapat menyertai kegiatan perniagaan dan perusahaan, ~~ini~~ kerana tidak mendapat bantuan dari pihak swasta. Tanpa bantuan dari pihak-pihak tertentu, peniaga dan pengusaha bumiputra tidaklah dapat menyertai dalam lapangan ini. Dengan ujudnya UDA, dapatlah badan ini memberi bantuan dan galakan kepada kaum bumiputra ~~bagi kegiatan perusahaan dan perniagaan~~ di kawasan bandar.

Tuan-tuan sekalian,

14. Usaha Kerajaan hendak menolong kaum bumiputra menyertai *dalam bidang perniagaan ini,* ~~bidang berniaga ini~~ tidaklah boleh diertikan menyekat kaum-kaum lain menjalankan usaha-usaha mereka. Sebaliknya, Kerajaan menggalakkan perusahaan mereka dengan mengadakan kemudahan tertentu. Dari segi ini, saya *hendak menarek perhatian sekalian kepada* ~~suka ingin menegaskan kembali~~ arahan Allahyarham Tun Abdul Razak sewaktu melancarkan UDA, dalam ikhtiar mendapatkan tempat-tempat yang sesuai untuk bumiputra berniaga, bahawa bukanlah menjadi polisi UDA "to rob Peter to <sup>say</sup> give Paul".


15. Di samping meninggikan taraf ekonomi berbagai kaum, dan merapatkan jurang perbezaan, adalah juga perlu bagi kita merancang dengan rapi, pembangunan satu-satu kawasan, dengan cara teratur. Aspek ini ~~juga~~ <sup>juga</sup> merupakan salah satu daripada tugas-tugas UDA, di samping bekerjasama dengan pihak lain. Oleh itu, UDA sedang berusaha untuk mengatur semula keadaan yang tidak teratur ini, di samping menggunakan kawasan itu dengan cara yang lebih ekonomik lagi, seperti terbinanya Hentian Puduraya ini.

16. Seperti yang kita semua maklum,  
di tapak Hentian ini pada satu masa dahulu,  
terdapat satu Hentian Bas yang sesak dan  
tidak teratur. Tetapi, dengan terbinanya  
Hentian ini, telah dapat mengurangkan  
kesesakan lalu-lintas, di samping menggunakan  
kawasan ini dengan *lebih berpedak dan menafaat lagi.* ~~menafaatnya~~. Diharapkan  
Hentian ini akan jadi perintis, bagi binaan-  
binaan seperti ini, *untuk* ~~bagi~~ mengurangkan  
kesesakan lalu-lintas dan menyusun semula  
masyarakat di tempat-tempat lain.


Tuan-tuan sekalian,

17. Dengan pesanan ini, <sup>saya</sup> dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi penyayang, ~~saya~~ dengan sukacitanya, merasmikan Hentian Puduraya ini.

Terimakasih.



**PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI**



42 JUL 1978



No. Siri .....	213
No. Penerimaan .....	26/78